

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

**HKN 404 Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Pensejarahan**

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja, iaitu sekurang-kurangnya **SATU** [1] soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

SAMA ADA

1. Dengan contoh-contoh yang jelas daripada kesusasteraan Melayu atau Indonesia, bincangkan ciri-ciri yang sepatutnya wujud di dalam sebuah sejarah kesusasteraan. Pada pendapat anda, apakah panduan ini sepenuhnya terpancar di dalam karya-karya sejarah kesusasteraan Melayu atau Indonesia?

ATAU

2. Kelambatan kerja-kerja filologi merupakan salah satu daripada sebab-sebab utama yang menjadikan ketiadaan sebuah sejarah kesusasteraan Melayu yang sempurna. Bahaskan pernyataan di atas.

BAHAGIAN B

SAMA ADA

3. Bandingkan karya R.O. Winstedt, A History of Classical Malay Literature dengan karya selenggaraan Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional. Pada pendapat anda, karya manakah yang lebih berjaya? Berikan alasan-alasan yang jelas mengapa anda berpendapat demikian.

ATAU

4. Di dalam perbicaraan mengenai kesusasteraan Melayu tradisional, penjudulan ‘hikayat’ merupakan masalah yang rumit. Bincangkan secara kritis perbahasan sarjana-sarjana mengenai persoalan ini.

ATAU

5. Kelahiran tokoh-tokoh penulis bagi kesusasteraan Melayu tradisional merupakan satu pemecahan konvensyen yang unik. Bincangkan pernyataan di atas.

BAHAGIAN C

SAMA ADA

6. Huraikan kemunculan ‘angkatan’ sebagai satu unsur yang dinamik di dalam perkembangan kesusasteraan. Dengan contoh-contoh yang jelas dari kesusasteraan Melayu atau Indonesia, perlihatkan fenomena angkatan dari sudut teori dan kenyataan sejarah.

ATAU

7. Apakah yang dimaksudkan dengan periodisasi? Berdasarkan kepada metode yang diamalkan secara meluas, buat satu periodisasi yang wajar bagi kesusasteraan Melayu atau Indonesia moden.

ATAU

8. Dengan menumpukan perhatian kepada tahun-tahun sebelum merdeka, bincangkan bagaimana perkembangan kesusasteraan Melayu moden itu dapat dikaitkan dengan perkembangan politik dan sosial.

--ooo000ooo--